

Tingkat muafakat – Abdullah

PUTRAJAYA 16 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyeru seluruh rakyat agar meningkatkan semangat muafakat di kalangan masyarakat pelbagai kaum bagi memastikan segala rancangan dan matlamat bagi memajukan negara dapat dicapai.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu merasa bangga dengan keunikan negara ini yang mampu menjadikan kepelbagaian budaya, agama dan kaum sebagai satu kekuatan.

“Kita dapat hidup aman dan makmur kerana kita mengamalkan permuafakatan dan perkongsian kuasa di kalangan rakyat berbilang kaum.

“Permuafakatan ini perlu dipertingkatkan dan diterapkan di setiap lapisan masyarakat,” kata beliau dalam amanat Tahun Baru Cina yang disambut Ahad ini, di

sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini amat bertuah kerana dapat meraikan Tahun Baru Cina dalam suasana yang aman, mesra dan meriah ketika negara sedang meraikan ulang tahun kemerdekaan yang ke-50 serta Tahun Melawat Malaysia 2007.

“Tahun ini boleh dianggap sebagai tahun yang amat penting kerana banyak projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sedang dilaksanakan.

“Petunjuk-petunjuk ekonomi seperti jumlah perdagangan negara pada tahun 2006 yang mencecah RM1 trilion dan peningkatan indeks komposit pasaran saham yang aktif, menunjukkan ekonomi negara sedang menuju ke arah yang meningkat maju,” katanya.

Um- 17/2/2007

Dalam hal ini, Abdullah yang juga Menteri Kewangan menarik perhatian bahawa kerajaan telah mengambil pendekatan untuk menambah baik persekitaran perniagaan negara dan seterusnya menggalakkan lebih banyak pelaburan serta peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia.

“Saya akan terus berusaha ke arah meningkatkan lagi kejayaan kita dalam ekonomi dan pembangunan,” katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menasihatkan rakyat di negara ini agar tidak alpa kerana masih banyak cabaran dalam dan luar yang perlu dihadapi serta ditangani.

“Kita perlu meningkatkan kecekapan dan produktiviti kita, perlu terus meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa. Kita perlu terus menambah nilai dalam penghasilan kita.

“Kita perlu terus membangunkan modal insan, kita perlu berjaya dalam usaha kita mencapai wawasan kita sebagai negara maju menjelang 2020 nanti,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menyatakan, segala usaha yang sedang dilakukan tersebut tidak akan berhasil sekiranya rakyat tidak dapat bersatu padu dan bekerjasama.

“Sebagai Perdana Menteri, saya akan menumpukan usaha ke arah mewujudkan masyarakat pelbagai kaum yang dinamik, maju, hidup secara aman dan harmoni, berkeyakinan dan berdaya saing serta berpegang teguh kepada tradisi kebudayaan bersama,” katanya.

Perdana Menteri turut mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina kepada seluruh masyarakat Malaysia.